

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang anda tidak faham, sila dapatkan nasihat bebas dan/atau berbincang dengan wakil Bank sebelum menandatangani di bawah.)</p>	<p>VERSI BAHASA MALAYSIA</p> <p>Bank : Affin Islamic Bank Berhad Produk : Pembiayaan Perkhidmatan-Perdagangan-i (FTF-i)</p> <p>Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:</p> <hr/> <p>(hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)</p>								
<p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Pembiayaan Perkhidmatan-Perdagangan-i (FTF-i) adalah satu kemudahan pembiayaan fleksibel yang ditawarkan kepada pelanggan perdagangan untuk pembiayaan berkaitan perdagangan bagi jualan dalam dan luar negara (Pembayaran pada satu tarikh yang ditentukan) atau belian dalam dan luar negara (pembayaran dengan kadar segera atau pada satu tarikh yang ditentukan) di bawah urusniaga Surat Kredit/Kutipan Berdokumen/ Kaedah Bayaran Akaun Terbuka.</p> <p>FTF-i Belian (Murabahah) membenarkan pembiayaan barang ATAU barang <u>digabungkan</u> bersama perkhidmatan boleh bayar berkaitan. Perkhidmatan boleh bayar tersebut hendaklah berkaitan dengan barang yang dibeli. FTF-i (Belian) juga membenarkan pembiayaan aset tidak ketara seperti pembelian lesen perisian komputer, pembelian tenaga elektrik dari pengeluar kuasa bebas dan pembelian bahan pembinaan.</p> <p>FTF-i Belian (Ijarah) membenarkan pembiayaan perkhidmatan boleh bayar BERDIRI SENDIRI ("stand-alone") sahaja.</p> <p>Jualan FTF-i membenarkan pembiayaan jualan tempatan/pengeksportan barang dan/atau perkhidmatan yang disediakan (<i>secara kredit</i>).</p> <p>Kemudahan FTF-i hendaklah digunakan hanya untuk tujuan modal kerja tulen dan tidak boleh digunakan untuk membiayai pembelian aset tetap pelanggan.</p>									
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <p>Pembiayaan Perkhidmatan-Perdagangan-i adalah berdasarkan konsep Syariah yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FTF-i Belian (Murabahah) FTF-i Belian merujuk kepada Syariah Konsep Murabahah. Murabahah kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anda untuk membiayai pembelian barang dagangan, di mana kos dan margin keuntungan (mark-up) diperjelaskan serta dipersetujui bersama. Ciri asas Murabahah adalah penjual perlu mendedahkan kos sebenar yang ditanggung dalam memperolehi aset/ barang dagangan, dan keuntungan yang dikenakan sebagai tambahan atas kos tersebut. • FTF-i Belian (Ijarah) FTF-i Belian (Ijarah) merujuk kepada Syariah Konsep Ijarah. Ijarah ialah kontrak yang memindahkan pemilikan usufruk dan/atau servis yang dibenarkan untuk tempoh tertentu sebagai pertukaran kepada sesuatu perkara. • FTF-i Jualan FTF-i Jualan merujuk kepada Syariah Konsep Bai al-Dayn Bi al Sila'. Bai al-Dayn Bi al Sila' ialah pembelian hutang melalui penukaran dengan komoditi diikuti dengan penjualan komoditi oleh pelanggan bagi mendapatkan tunai. Ia adalah kemudahan pembiayaan di mana pihak Bank akan membeli hutang melalui penukaran dengan komoditi yang biasanya dijamin dalam bentuk bil pertukaran. 									
<p>3. Apa yang saya perolehi dari produk ini?</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 40%;">Jumlah Pembiayaan/Kos pengambilalihan (untuk FTF-i <i>Ijarah</i>) (RM)</td> <td style="width: 60%;">: _____</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan (Pembayaran dengan kadar segera/pada satu tarikh yang ditentukan)</td> <td>: _____</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan/Kadar <i>Ujrah</i> (untuk FTF-i <i>Ijarah</i>)</td> <td>: _____</td> </tr> <tr> <td>Fi Pengendalian</td> <td>: _____</td> </tr> </table>		Jumlah Pembiayaan/Kos pengambilalihan (untuk FTF-i <i>Ijarah</i>) (RM)	: _____	Tempoh Pembiayaan (Pembayaran dengan kadar segera/pada satu tarikh yang ditentukan)	: _____	Kadar Keuntungan/Kadar <i>Ujrah</i> (untuk FTF-i <i>Ijarah</i>)	: _____	Fi Pengendalian	: _____
Jumlah Pembiayaan/Kos pengambilalihan (untuk FTF-i <i>Ijarah</i>) (RM)	: _____								
Tempoh Pembiayaan (Pembayaran dengan kadar segera/pada satu tarikh yang ditentukan)	: _____								
Kadar Keuntungan/Kadar <i>Ujrah</i> (untuk FTF-i <i>Ijarah</i>)	: _____								
Fi Pengendalian	: _____								

4. Apakah kewajipan saya?

- Menyediakan bukti dokumentari sokongan urus niaga (contoh. invois asal, dokumen pengangkutan dan yang lain-lain) sebagaimana yang diperlukan oleh pihak Bank.
- Belum memperoleh dan tidak akan memperoleh sebarang sumber pembiayaan lain untuk urus niaga perdagangan yang sama, termasuk pembiayaan menurut perjanjian pajakan, sewa beli atau pemfaktoran.
- Memberi kuasa kepada pihak Bank untuk debitkan akaun anda dengan Bank untuk pembayaran keuntungan, fi, lain-lain caj atau perbelanjaan yang berkaitan dengan pengeluaran dan pembayaran FTF-i.
- Menjelaskan amaun pembiayaan sepenuhnya pada tarikh matang FTF-i.

5. Apakah kadar keuntungan yang dikenakan serta yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Yuran dan caj / Kadar Keuntungan	Amaun (RM)	
Kadar Keuntungan/ Kadar Ujrah (untuk FTF-i Ijarah)	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan dalam Ringgit Malaysia (RM) – berdasarkan ¹(KPA)/iCOF + Keuntungan Pembiayaan dalam Mata Wang Asing – berdasarkan iCOF + Keuntungan <p>Kadar keuntungan/Ujrah dikira berdasarkan kadar harian adalah tetap sepanjang tempoh pembiayaan.</p>	
Fi Pengendalian	<ul style="list-style-type: none"> FTF-i Belian/FTF-i Belian (<i>Ijarah</i>) 	Tidak terpakai
	<ul style="list-style-type: none"> FTF-i Jualan 	Kadar rata sebanyak RM50 untuk setiap transaksi (tanpa mengira jumlah invois dan jumlah pembiayaan)
Duti Setem	<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan Perjanjian Lain-lain Transaksi dan Dokumen Sekuriti <ul style="list-style-type: none"> ✓ Surat Tawaran ✓ Nota Kontrak untuk Pembiayaan Murabahah/Nota Kontrak untuk pembiayaan <i>Ijarah</i> <p>“Ad-valorem”</p> <p>RM 10.00</p> <p>RM 10.00</p>	
² Yuran Pembrokeran	<ul style="list-style-type: none"> <u>Pelanggan korporat</u> RM10.00 bagi setiap RM1 juta berdasarkan pro-rata. <u>Pelanggan SME</u> RM5.00 bagi setiap RM1 juta berdasarkan pro-rata. <p>Terpakai untuk FTF-i Jualan sahaja</p>	
Caj dan Fi lain	Semua caj lain hendaklah mengikut Tarif Caj Piawai Bank. (https://www.affinalways.com/en/fees-and-charges)	

Nota:

- ¹Kadar Pembiayaan Asas (KPA) adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan KPA semasa adalah 6.81% setahun.
- ²Yuran Pembrokeran adalah tertakluk kepada perubahan-perubahan atas kos pembrokeran yang dicaj oleh penyedia pelantar komoditi dari semasa ke semasa.

6. Bagaimana jika saya membuat penyelesaian pembiayaan sebelum tarikh matang?

Pihak Bank tidak mengenakan tempoh tertutup untuk kemudahan ini dan juga tidak mengenakan yuran sekiranya anda ingin membuat penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (ibra') yang mana bersamaan dengan keuntungan tertunda pada masa penyelesaian.

Formula Ibra' (rebat):

Ibra' (rebat) pada penyelesaian awal = Keuntungan Tertunda - Kos Anggaran yang Munasabah yang ditanggung oleh Bank

Nota:

- Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan yang sepatutnya diterima – Keuntungan Terakru
- Jumlah Keuntungan yang sepatutnya diterima = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank
- Keuntungan terakru dikira atas Kadar Keuntungan Efektif prinsipal belum jelas yang digunakan.

7. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Selepas tarikh matang kemudahan tersebut

Pihak Bank akan mengenakan ta'widh pada jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalam Pasaran Wang antara bank Islam (IIMM) pada baki belum jelas tertunggak ditolak *ibra* (jika ada);

$$= \text{Baki Belum Jelas} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}$$

365/366

- Kami mempunyai hak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun yang dibuka dengan pihak Bank atas sebarang baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan memberi tujuh (7) hari kalender notis terlebih dahulu.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalaas notis peringatan. Anda akan menanggung segala kos yang terlibat. Anda adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala kekurangan (jika ada) setelah tindakan undang-undang diambil terhadap anda.
- Tindakan undang-undang ke atas anda mungkin memberi kesan terhadap taraf kredit yang akan menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal bagi anda.
- Sila rujuk kepada kewajipan anda yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Bank.

- Akuanji Pembelian bagi FTF-i Belian

Sekiranya anda enggan menunaikan akuanji anda untuk membeli barang ATAU barang digabungkan dengan perkhidmatan dan/atau untuk menyempurnakan dokumen yang berkaitan (berkaitan dengan pembelian barang ATAU barang digabungkan dengan perkhidmatan), anda perlu membayar pampasan kepada pihak Bank berdasarkan Harga Belian Bank bersama-sama dengan apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak Bank yang bersimpangan dengan pembelian barang/perkhidmatan.

8. Apakah risiko utama?

- Risiko perubahan pada kadar keuntungan adalah sangat minimum kerana kadar keuntungan bagi produk ini adalah tetap dan tidak berubah sepanjang tempoh pembiayaan. Walau bagaimanapun, anda mungkin menghadapi risiko tukaran wang asing bagi FTF-i mata wang Asing.
- Anda juga tidak akan dibenarkan untuk menggunakan kemudahan ini dan akan dikenakan tindakan pemulihan termasuk tindakan undang-undang sekiranya anda gagal melakukan pembayaran penyelesaian bagi akaun FTF-i yang telah matang.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang AffinAlways.com yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi

Tingkat 9, Menara Affin,

Lingkaran TRX,

Tun Razak Exchange,

55188 Kuala Lumpur.

Telefon : 03 – 8230 2222

E-mel : yourvoice@affingroup.com

Laman Web : AffinAlways.com

www.affingroup.com

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 5 and 6,

Menara Aras Raya (Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),

Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-2616 7766

Faks : 03-2616 7601

E-mel : enquiry@akpk.org.my

Waktu Urusan : 9:00 pagi – 5:00 petang

(Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di:
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) (664393P)
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Telefon : 603 – 2272 2811
Fax : 603 – 2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman Web : www.ofs.org.my
- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link di:
BNMLINK
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922)
50929 Kuala Lumpur
Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-21741515
E-LINK : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami (secara notis bertulis kepada cawangan yang memegang akaun terbabit) berkenaan sebarang perubahan pada maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Mengikut Polisi/Garis panduan AFFIN ISLAMIC dan dokumen sekuriti standard, sebarang perubahan pada butiran perhubungan perlu dihantar secara bertulis dengan ditandatangan oleh Pelanggan dan dialamatkan kepada Affin Islamic Bank Berhad.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pembiayaan, sila hubungi kami di cawangan kami yang terdekat dengan anda atau hubungi Pusat Perhubungan kami di 03-8230 2222 atau layari laman web kami AffinAlways.com untuk maklumat lanjut.

12. Paket pembiayaan lain yang disediakan

Bank menawarkan kemudahan bil perdagangan lain seperti Jaminan Bank-i (BG-i), Bil Belian-i (BP-i), Bil Perundingan-i (BN-i), Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i), Surat Kredit-i (LC-i), Jaminan Perkapalan-i (SG-i), Resit Amanah-i (TR-i) dan Pembiayaan Modal Kerja-i (WCF-i).

NOTA PENTING:**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari **20 OKTOBER 2023**

Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya /kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : _____
Nama : _____
No Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____